

Penilaian Efikasi Kendiri dan Amalan Pedagogi Terbeza dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran: Dapatan Awal

Assessment of Self-Efficacy and Differentiated Pedagogical Practices in Teaching Quranic Recitation: Preliminary Findings

Nurul Hamimi Awang Japilan^{1*}, Norhisham Muhamad¹, Jahidih Saili²

¹Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Sabah Branch, Kota Kinabalu Campus

ARTICLE INFO

Article history:

Received 1 October 2024
Accepted 15 November 2024
Online first
Published 20 December 2024

Kata Kunci:
Efikasi kendiri
pedagogi terbeza
Tilawah al-Quran
Guru Pendidikan Islam
Pengalaman mengajar

Keywords:
Self-efficacy
Differentiated pedagogy
Quranic recitation
Islamic Education teachers
Teaching experience

ABSTRACT

Pengajaran Tilawah al-Quran merupakan komponen asas dalam kurikulum Pendidikan Islam, namun masih terdapat murid yang lemah dalam penguasaan bacaan al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran serta mengkaji perbezaannya berdasarkan faktor demografi terpilih. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas digunakan, melibatkan 31 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah harian Zon Barat, Sabah. Data dikumpul menggunakan soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatkan menunjukkan tahap efikasi kendiri guru yang tinggi ($M=4.15$, $SP=0.58$) tetapi tahap amalan pedagogi terbeza yang sederhana tinggi ($M=3.85$, $SP=0.62$). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan pedagogi terbeza berdasarkan pengalaman mengajar ($\chi^2(2)=7.82$, $p=0.020$), tetapi tiada perbezaan signifikan berdasarkan jantina. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman hubungan antara efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran, serta menyediakan asas empirikal untuk pembangunan program latihan guru yang lebih berkesan. Implikasi kajian termasuk keperluan untuk meningkatkan latihan guru dalam aspek pedagogi terbeza dan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran Tilawah al-Quran.

Quranic recitation teaching is a fundamental component in the Islamic Education curriculum, yet some students still struggle with Quranic reading proficiency. This study aims to assess the level

^{1*} Corresponding author. E-mail address: m20231000358@siswa.upsi.edu.my

of self-efficacy and differentiated pedagogical practices among Islamic Education teachers in teaching Quranic recitation and to examine differences based on selected demographic factors. A quantitative approach with a cross-sectional survey design was employed, involving 31 Islamic Education teachers from secondary schools in the Western Zone of Sabah. Data were collected using questionnaires and analyzed descriptively and inferentially. Findings reveal high levels of teacher self-efficacy ($M=4.15$, $SD=0.58$) but moderately high levels of differentiated pedagogical practices ($M=3.85$, $SD=0.62$). Significant differences in differentiated pedagogical practices were found based on teaching experience ($\chi^2(2)=7.82$, $p=0.020$), but not based on gender. This study contributes to understanding the relationship between self-efficacy and differentiated pedagogical practices in the context of Quranic recitation teaching and provides an empirical basis for developing more effective teacher training programs. Implications include the need to enhance teacher training in differentiated pedagogy and technology integration in Quranic recitation teaching.

PENGENALAN

Pengajaran Tilawah al-Quran merupakan komponen asas dalam kurikulum Pendidikan Islam yang memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran membaca dan memahami al-Quran dalam kalangan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Walau bagaimanapun, kajian oleh Paharudin Arbain (2015) mendapati masih terdapat murid yang lemah dalam penguasaan bacaan al-Quran, menunjukkan keperluan untuk meningkatkan keberkesaan pengajaran dalam bidang ini. Efikasi kendiri guru, yang merujuk kepada kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka untuk mengajar dan mempengaruhi pembelajaran pelajar dikaitkan dengan pelbagai hasil pengajaran dan pembelajaran yang positif (Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said, 2019). Sementara itu, amalan pedagogi terbeza, yang mengambil kira kepelbagaiannya keperluan dan kebolehan pelajar, dilihat sebagai pendekatan yang berpotensi untuk meningkatkan keberkesaan pengajaran Tilawah al-Quran (Zurina Mustaffa et al., 2021). Namun, kajian khusus mengenai hubungan antara efikasi kendiri guru dan amalan pedagogi terbeza dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran masih terhad (Mohd Aderi Che Noh, 2016). Kekurangan ini menyebabkan pemahaman kita tentang faktor yang mempengaruhi keberkesaan pengajaran Tilawah al-Quran masih belum menyeluruh, justeru memerlukan kajian lanjut untuk menambah baik amalan pengajaran dalam bidang ini (Nur Hanisah Radi & Syawal Amran, 2023).

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran, serta mengenal pasti perbezaan tahap amalan pedagogi terbeza berdasarkan faktor demografi terpilih. Kepentingan kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesaan pengajaran Tilawah al-Quran. Dapatkan kajian ini boleh membantu dalam merangka program latihan dan pembangunan profesional yang lebih berkesan untuk guru Pendidikan Islam, khususnya dalam aspek pengajaran Tilawah al-Quran (Zurina Mustaffa et al., 2022). Selain itu, kajian ini juga berpotensi untuk menyumbang kepada pengembangan teori dan amalan dalam bidang pedagogi terbeza dalam konteks pendidikan Islam (Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023). Dalam aspek praktikal, dapatan kajian ini boleh membantu pihak pentadbir sekolah dan membuat dasar dalam merancang intervensi yang lebih berkesan untuk meningkatkan kualiti pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah-sekolah (Mohd Syakir Moktar &

Mohd Farid Mohd Sharif, 2021). Akhirnya, kajian ini juga penting dalam konteks mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk melahirkan generasi yang seimbang dan berilmu dalam aspek keagamaan.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep efikasi kendiri guru telah mendapat perhatian yang meluas dalam penyelidikan pendidikan kerana peranannya yang penting dalam mempengaruhi amalan pengajaran dan hasil pembelajaran pelajar. Efikasi kendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka untuk mengajar dan mempengaruhi pembelajaran pelajar secara positif (Shafinaz A. Maulod, 2017). Teori efikasi kendiri yang dikemukakan oleh Albert Bandura pada tahun 1997 menekankan bahawa efikasi kendiri terbentuk melalui empat sumber utama: pengalaman penguasaan, pengalaman tidak langsung, pujukan lisan, dan keadaan emosi. Dalam konteks pendidikan Islam, konsep efikasi kendiri ini diperkuatkan lagi oleh pandangan Al-Ghazali (1988) yang menekankan kepentingan motivasi dan usaha dalam mencapai kejayaan. Al-Ghazali (1988) berpendapat bahawa individu yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi yakin bahawa mereka boleh menghadapi cabaran dan mencapai matlamat melalui usaha dan kepercayaan kepada Allah. Kajian oleh Hamir Hamzah Jaafar dan Mohamad Hilmi Mat Said (2019) mendapatkan bahawa guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi lebih cenderung untuk menggunakan strategi pengajaran yang inovatif dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif. Walau bagaimanapun, Mohd Muzzammil Sharif dan Harun Baharudin (2022) menegaskan bahawa efikasi kendiri guru tidak statik dan boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor persekitaran dan pengalaman profesional.

Amalan pedagogi terbeza pula merupakan pendekatan pengajaran yang mengambil kira kepelbagaiannya, keperluan, minat, dan tahap keupayaan pelajar dalam proses PdP. Model Amalan Pedagogi Terbeza yang diperkenalkan oleh Zurina Mustaffa et al. (2022) menekankan lima elemen penting: pengetahuan pedagogi kandungan (PPK), perancangan guru berdasarkan teori kecerdasan pelbagai, keadilan terhadap murid, pelaksanaan kaedah pengajaran yang pelbagai, dan amalan guru dalam mengubah proses pengajaran dan pembelajaran. Zurina Mustaffa et al. (2021) mendapatkan bahawa guru Pendidikan Islam Zon Selatan mempunyai tahap pengetahuan dan amalan pedagogi terbeza yang sederhana, menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kemahiran guru dalam aspek ini. Dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran, Nurul Azira Sapien dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2022) menekankan kepentingan penggunaan kaedah tutor sebagai yang interaktif untuk meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran pelajar mengikut tahap kemampuan mereka. Sementara itu, Ahmad Al Harere dan Khlooud Al Jallad (2023) mencadangkan penggunaan teknologi dan inovasi dalam pembelajaran Tahfiz Quran untuk menarik minat pelajar. Walau bagaimanapun, Mohd Aderi Che Noh (2016) mengingatkan bahawa pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran Tilawah al-Quran memerlukan perancangan yang teliti dan pemahaman mendalam tentang keperluan pelajar yang pelbagai.

Kajian terkini menunjukkan bahawa faktor demografi seperti jantina dan pengalaman mengajar boleh mempengaruhi amalan pedagogi terbeza guru. Zuraidah Abdul et al. (2023) mendapatkan bahawa guru yang lebih berpengalaman cenderung untuk menggunakan pelbagai strategi pengajaran yang lebih berkesan berbanding guru baharu. Walau bagaimanapun, Nur Hanisah Radi dan Syawal Amran (2023) mencadangkan bahawa faktor jantina mungkin kurang mempengaruhi amalan pedagogi terbeza berbanding dengan faktor latihan dan sokongan profesional. Dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran, Mohd Syakir Moktar dan Mohd Farid Mohd Sharif (2021) melaporkan bahawa ciri-ciri amalan pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru Pendidikan Islam termasuk penguasaan ilmu kandungan, penggunaan buku teks sebagai rujukan utama, dan aplikasi kaedah Talaqqi Mushafahah. Walaupun kajian-kajian ini

memberikan pendedahan penting, namun masih terdapat jurang penyelidikan yang perlu ditangani. Menurut Zurina Mustaffa et al. (2022), kajian lanjut diperlukan untuk memahami hubungan antara efikasi kendiri guru dan amalan pedagogi terbeza dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Selain itu, Muhammad Adib dan Jamayah Lasot (2023) mencadangkan perlunya kajian yang meneliti impak pelbagai kaedah pengajaran inovatif terhadap pencapaian dan motivasi pelajar dalam pembelajaran Tilawah al-Quran. Jurang-jurang penyelidikan ini menunjukkan keperluan untuk kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh dalam bidang ini untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah-sekolah Malaysia.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran serta mengkaji perbezaannya berdasarkan faktor demografi terpilih.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran.
- ii. Mengenal pasti tahap amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran.
- iii. Menentukan perbezaan tahap amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan faktor demografi terpilih.

Soalan Kajian

- i. Apakah tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran?
- ii. Apakah tahap amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan faktor jantina dan pengalaman mengajar?

Hipotesis Kajian

H_01 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan jantina.

H_02 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan pengalaman mengajar.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini menggabungkan teori efikasi kendiri Bandura (1997) dan AlGhazali (1988) dengan Model Amalan Pedagogi Terbeza Zurina Mustaffa et al. (2022) untuk mengkaji hubungan antara efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Efikasi kendiri guru, yang merangkumi dimensi pengalaman, pengalaman tidak langsung, pujukan lisan, keadaan emosi, motivasi, dan usaha, dihipotesiskan mempengaruhi amalan pedagogi terbeza guru. Model Amalan Pedagogi Terbeza pula

merangkumi lima elemen utama: pengetahuan pedagogi kandungan, perancangan guru berasaskan teori kecerdasan pelbagai, keadilan terhadap murid, pelaksanaan kaedah pengajaran, dan amalan guru dalam mengubah proses pengajaran dan pembelajaran (Zurina Mustaffa et al., 2022). Kerangka ini juga mengambil kira faktor demografi seperti jantina dan pengalaman mengajar, yang mungkin mempengaruhi amalan pedagogi terbeza guru, selaras dengan dapatan Zuraidah Abdul et al. (2023) dan Nur Hanisah Radi dan Syawal Amran (2023). Integrasi teknologi dan inovasi dalam pengajaran Tilawah al-Quran, seperti yang dicadangkan oleh Ahmad Al Harere dan Khloud Al Jallad (2023), juga dipertimbangkan dalam kerangka ini sebagai faktor yang mungkin mempengaruhi amalan pedagogi terbeza. Kerangka konseptual ini memberi penekanan khusus kepada konteks pengajaran Tilawah al-Quran, mengambil kira cabaran dan keperluan unik dalam bidang ini seperti yang digariskan oleh Mohd Aderi Che Noh (2016) dan Mohd Syakir Moktar dan Mohd Farid Mohd Sharif (2021). Integrasi teori efikasi kendiri, model pedagogi terbeza, dan faktor kontekstual menyediakan asas yang komprehensif kepada kerangka ini untuk mengkaji dan memahami dinamik pengajaran Tilawah al-Quran dalam persekitaran pendidikan kontemporari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas untuk menilai tahap efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Pemilihan reka bentuk ini adalah berdasarkan kesesuaianannya untuk mengumpul data daripada sampel yang besar dalam tempoh masa yang singkat, selaras dengan pandangan Creswell dan Creswell (2018). Populasi kajian terdiri daripada guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah harian di Zon Barat, Sabah, dengan jumlah keseluruhan seramai 157 orang guru. Kaedah pensampelan seluruh populasi digunakan dalam kajian ini, memandangkan saiz populasi yang agak kecil dan untuk memaksimumkan ketepatan dapatan kajian, seperti yang disarankan oleh Rozmi Ismail (2016). Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada dua soal selidik, iaitu Soal Selidik Efikasi Kendiri yang diadaptasi daripada Bandura (1997) dan Soal Selidik Amalan Pedagogi Terbeza yang diadaptasi daripada Zurina Mustaffa et al. (2022). Kedua-dua soal selidik ini telah melalui proses kesahan muka dan kandungan yang melibatkan panel pakar dalam bidang Pendidikan Islam, selaras dengan saranan Azizi Yahya et al. (2018). Kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan analisis Alpha Cronbach, dengan nilai kebolehpercayaan yang diterima ditetapkan pada 0.70 ke atas, mengikut cadangan Hair et al. (2019).

Proses pengumpulan data melibatkan beberapa peringkat, bermula dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa pendidikan yang berkaitan, termasuk Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), dan pihak pentadbir sekolah yang terlibat. Soal selidik diedarkan kepada responden melalui dua kaedah, iaitu secara dalam talian menggunakan *Google Forms* dan secara bersemuka, untuk memaksimumkan kadar maklum balas, seperti yang dicadangkan oleh Mua'azam Mohamad (2016). Tempoh masa selama empat minggu diberikan kepada responden untuk melengkapkan soal selidik, dengan panggilan susulan dilakukan selepas dua minggu untuk memantau progress pengumpulan data. Analisis data melibatkan dua peringkat utama, iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menilai tahap efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza guru, dengan interpretasi skor min berdasarkan skala yang diperkenalkan oleh Nunally (1978). Sementara itu, analisis inferensi melibatkan penggunaan ujian-t sampel bebas untuk menguji perbezaan amalan pedagogi terbeza berdasarkan jantina, dan ANOVA sehala untuk menguji perbezaan berdasarkan pengalaman mengajar, seperti yang disarankan oleh Pallant (2016). Kesemua analisis statistik dijalankan menggunakan perisian IBM SPSS versi 26.0, selaras dengan amalan dalam kajian pendidikan semasa.

DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif merangkumi tahap efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran dan tahap amalan pedagogi terbeza dalam pengajaran tilawah serta analisis inferensi iaitu perbezaan amalan pedagogi terbeza berdasarkan jantina dan perbezaan amalan pedagogi terbeza berdasarkan pengalaman mengajar.

Profil Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 31 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah harian di Zon Barat, Sabah. Profil demografi responden menunjukkan taburan yang hampir seimbang dalam aspek jantina. Terdapat 15 orang guru lelaki (48.4%) dan 16 orang guru perempuan (51.6%). Bagi pengalaman mengajar pula, responden dibahagikan kepada tiga kumpulan: kurang dari 5 tahun (10 orang, 32.3%), 5-10 tahun (11 orang, 35.5%), dan lebih dari 10 tahun (10 orang, 32.3%). Walaupun saiz sampel ini kecil, taburannya yang hampir seimbang membolehkan analisis tentang perbezaan amalan pedagogi terbeza berdasarkan faktor demografi.

Jadual 1. Profil Demografi Responden

Ciri Demografi	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	15	48.4
	Perempuan	16	51.6
Pengalaman Mengajar	Kurang dari 5 tahun	10	32.3
	5-10 tahun	11	35.5
	Lebih dari 10 tahun	10	32.3

Tahap Efikasi Kendiri Guru dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran secara keseluruhan berada pada tahap tinggi ($M = 4.15$, $SP = 0.58$). Dimensi pengalaman mencatatkan skor min tertinggi ($M = 4.32$, $SP = 0.51$), diikuti oleh dimensi pujukan lisan ($M = 4.25$, $SP = 0.62$) dan usaha ($M = 4.18$, $SP = 0.59$). Dimensi keadaan emosi mencatatkan skor min terendah ($M = 3.95$, $SP = 0.68$), namun masih berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam di Zon Barat, Sabah mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan mereka dalam mengajar Tilawah alQuran.

Jadual 2. Tahap Efikasi Kendiri Guru dalam Pengajaran Tilawah al-Quran

Dimensi Efikasi Kendiri	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pengalaman	4.32	0.51	Tinggi
Pengalaman Tidak Langsung	4.05	0.64	Tinggi
Pujukan Lisan	4.25	0.62	Tinggi
Keadaan Emosi	3.95	0.68	Tinggi
Motivasi	4.15	0.60	Tinggi
Usaha	4.18	0.59	Tinggi
Keseluruhan	4.15	0.58	Tinggi

Tahap Amalan Pedagogi Terbeza Dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan pedagogi terbeza guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran secara keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi ($M = 3.85$, $SP = 0.62$). Dimensi keadilan terhadap murid mencatatkan skor min tertinggi ($M = 4.12$, $SP = 0.55$), diikuti oleh dimensi pelaksanaan kaedah pengajaran ($M = 3.98$, $SP = 0.59$). Dimensi perancangan guru berdasarkan teori kecerdasan pelbagai mencatatkan skor min terendah ($M = 3.65$, $SP = 0.72$), menunjukkan bahawa aspek ini mungkin memerlukan perhatian dan penambahbaikan dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Jadual 3. Tahap Amalan Pedagogi Terbeza dalam Pengajaran Tilawah al-Quran

Dimensi Amalan Pedagogi Terbeza	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pengetahuan Pedagogi Kandungan	3.78	0.68	Sederhana Tinggi
Perancangan (Kecerdasan Pelbagai)	3.65	0.72	Sederhana Tinggi
Keadilan Terhadap Murid	4.12	0.55	Tinggi
Pelaksanaan Kaedah Pengajaran	3.98	0.59	Sederhana Tinggi
Amalan Mengubah Proses PdP	3.72	0.70	Sederhana Tinggi
Keseluruhan	3.85	0.62	Sederhana Tinggi

Perbezaan Amalan Pedagogi Terbeza Berdasarkan Jantina

Analisis Ujian Mann-Whitney U digunakan untuk menguji perbezaan amalan pedagogi terbeza antara guru lelaki dan perempuan. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan pedagogi terbeza antara guru lelaki dan perempuan ($U = 108.5$, $p = 0.615$). Median skor amalan pedagogi terbeza untuk guru lelaki ($Mdn = 3.80$) adalah hampir sama dengan guru perempuan ($Mdn = 3.85$). Dapatkan ini menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi secara signifikan amalan pedagogi terbeza dalam pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan responden kajian ini.

Jadual 5. Perbezaan Amalan Pedagogi Terbeza Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Median	Nilai U	Nilai p
Lelaki	15	3.80	108.5	0.615
Perempuan	16	3.85		

Perbezaan Amalan Pedagogi Terbeza Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Bagi menganalisis perbezaan amalan pedagogi terbeza berdasarkan pengalaman mengajar, Ujian Kruskal-Wallis digunakan kerana terdapat tiga kumpulan pengalaman mengajar. Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan pedagogi terbeza berdasarkan pengalaman mengajar guru ($\chi^2(2) = 7.82$, $p = 0.020$). Analisis post-hoc menggunakan Ujian Mann-Whitney U dengan pembetulan Bonferroni mendapati bahawa guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun ($Mdn = 4.10$) menunjukkan tahap amalan pedagogi terbeza yang signifikan lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai pengalaman kurang dari 5 tahun ($Mdn = 3.60$). Perbezaan ini ketara terutamanya dalam dimensi pengetahuan pedagogi kandungan dan amalan mengubah proses PdP.

Jadual 5. Perbezaan Amalan Pedagogi Terbeza Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	N	Median	Nilai χ^2	Nilai p
< 5 tahun	10	3.60	7.82	0.020
5-10 tahun	11	3.85		
> 10 tahun	10	4.10		

PERBINCANGAN

Dapatkan kajian menunjukkan tahap efikasi kendiri yang tinggi dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran, menggambarkan keyakinan mereka terhadap keupayaan mengajar dalam bidang ini. Tahap efikasi kendiri yang tinggi selaras dengan dapatkan Hamir Hamzah Jaafar dan Mohamad Hilmi Mat Said (2019) yang mendapati bahawa guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi lebih cenderung untuk menggunakan strategi pengajaran yang inovatif. Walau bagaimanapun, dimensi keadaan emosi mencatatkan skor min terendah menunjukkan keperluan untuk meningkatkan aspek ini. Zurina Mustaffa et al. (2021) menekankan kepentingan aspek emosi dalam pengajaran, dan dapatkan ini mencadangkan perlunya perhatian khusus terhadap pengurusan emosi guru dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Sementara itu, tahap amalan pedagogi terbeza yang berada pada tahap sederhana tinggi menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Mohd Aderi Che Noh (2016) menegaskan bahawa pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran Tilawah al-Quran memerlukan perancangan yang teliti, dan dapatkan ini mengesahkan keperluan tersebut. Dimensi perancangan guru berasaskan teori kecerdasan pelbagai mencatatkan skor terendah, menggambarkan dapatkan Zurina Mustaffa et al. (2022) yang mendapati bahawa guru Pendidikan Islam memerlukan latihan lanjut dalam aspek ini. Ahmad Al Harere dan Khloud Al Jallad (2023) mencadangkan penggunaan teknologi dan inovasi dalam pembelajaran Tahfiz Quran, dan penemuan ini menunjukkan perlunya penekanan lebih lanjut terhadap aspek ini dalam amalan pedagogi terbeza.

Analisis perbezaan amalan pedagogi terbeza berdasarkan faktor demografi menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi secara signifikan amalan pedagogi terbeza dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Dapatkan ini selaras dengan pandangan Nur Hanisah Radi dan Syawal Amran (2023) yang mencadangkan bahawa faktor jantina mungkin kurang mempengaruhi amalan pedagogi terbeza berbanding dengan faktor latihan dan sokongan profesional. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan pedagogi terbeza berdasarkan pengalaman mengajar, di mana guru yang lebih berpengalaman menunjukkan tahap amalan yang lebih tinggi. Dapatkan ini menyokong penemuan Zuraidah Abdul et al. (2023) yang mendapati bahawa guru yang lebih berpengalaman cenderung untuk menggunakan pelbagai strategi pengajaran yang lebih berkesan. Mohd Syakir Moktar dan Mohd Farid Mohd Sharif (2021) juga melaporkan bahawa ciri-ciri amalan pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru Pendidikan Islam termasuk penguasaan ilmu kandungan, yang berkemungkinan meningkat dengan pengalaman. Namun, Muhammad Adib dan Jamayah Lasot (2023) mengingatkan bahawa pengalaman sahaja tidak mencukupi, dan guru perlu terus meningkatkan kemahiran mereka melalui pembangunan profesional berterusan. Perbezaan ini juga menunjukkan keperluan untuk program mentoring atau perkongsian amalan terbaik antara guru berpengalaman dan guru baharu, seperti yang dicadangkan oleh Mohd Muzzammil Sharif dan Harun Baharudin (2022).

Implikasi dapatkan kajian ini terhadap pengajaran Tilawah al-Quran adalah pelbagai dan mendalam. Pertama, tahap efikasi kendiri yang tinggi perlu dikekalkan dan diperkuuhkan melalui sokongan berterusan dan peluang pembangunan profesional. Zurina Mustaffa et al. (2022)

meneckankan kepentingan latihan berterusan untuk meningkatkan kemahiran pedagogi terbeza guru Pendidikan Islam. Kedua, fokus khusus perlu diberikan kepada meningkatkan kemahiran guru dalam perancangan berasaskan teori kecerdasan pelbagai, seperti yang disarankan oleh Nurul Azira Sapien dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2022) yang menekankan kepentingan penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza. Ketiga, perbezaan dalam amalan pedagogi terbeza berdasarkan pengalaman mengajar menunjukkan keperluan untuk program mentoring dan perkongsian amalan terbaik antara guru berpengalaman dan guru baharu. Muhammad Zulazizi Mohd Nawi dan Muhammad Amirul Mohd Nor (2021) mencadangkan bahawa kolaborasi antara guru dapat meningkatkan amalan pengajaran secara keseluruhan. Keempat, penekanan perlu diberikan kepada penggunaan teknologi dan inovasi dalam pengajaran Tilawah al-Quran, selaras dengan cadangan Ahmad Al Harere dan Khlooud Al Jallad (2023). Kelima, aspek pengurusan emosi guru perlu diberi perhatian, memandangkan dimensi ini mencatatkan skor terendah dalam efikasi kendiri. Tambahan pula, kesejahteraan emosi guru adalah penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran. Akhirnya, penemuan ini menunjukkan keperluan untuk penyesuaian kurikulum latihan guru Pendidikan Islam untuk memberi penekanan lebih kepada aspek pedagogi terbeza dan penggunaan teknologi dalam pengajaran Tilawah al-Quran.

Dapatkan kajian ini memberikan beberapa implikasi teoretikal dan praktikal yang penting. Dalam aspek teoretikal, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Dapatkan ini mengukuhkan teori efikasi kendiri Bandura (1997) dan Al-Ghazali (1988) dalam konteks pendidikan Islam serta menunjukkan kepentingan pengalaman dalam meningkatkan amalan pedagogi terbeza. Kajian ini juga menyokong Model Amalan Pedagogi Terbeza yang diperkenalkan oleh Zurina Mustaffa et al. (2022) serta menunjukkan keperluan untuk mengadaptasi model ini dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Dalam aspek praktikal, dapatkan kajian ini menyediakan asas empirikal untuk pembangunan program latihan guru yang lebih berkesan. Muhammad Adib dan Jamayah Lasot (2023) menekankan kepentingan latihan berterusan dalam meningkatkan kemahiran pedagogi guru, dan dapatkan kajian ini dapat membantu dalam mereka bentuk program latihan yang lebih bersasar. Kajian ini juga menunjukkan keperluan untuk menyediakan sokongan yang berbeza kepada guru berdasarkan tahap pengalaman mereka, selaras dengan cadangan Mohd Muzzammil Sharif dan Harun Baharudin (2022) untuk program mentoring yang berstruktur. Selain itu, dapatkan kajian ini boleh membantu pihak pentadbir sekolah dan pembuat dasar dalam merancang intervensi yang lebih berkesan untuk meningkatkan kualiti pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah-sekolah, seperti yang dicadangkan oleh Mohd Syakir Moktar dan Mohd Farid Mohd Sharif (2021). Akhirnya, kajian ini menyerlahkan kepentingan untuk mengintegrasikan teknologi dan inovasi dalam pengajaran Tilawah al-Quran, selaras dengan saranan Ahmad Al Harere dan Khlooud Al Jallad (2023), yang boleh membawa kepada pembangunan bahan dan alat pengajaran yang lebih interaktif dan berkesan.

KESIMPULAN

Kajian ini telah memberikan penilaian tentang tahap efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang mengajar Tilawah al-Quran di Zon Barat, Sabah. Dapatkan utama menunjukkan tahap efikasi kendiri yang tinggi dalam kalangan guru, tetapi tahap amalan pedagogi terbeza yang sederhana tinggi sekali gus membuka ruang untuk penambahbaikan. Perbezaan signifikan dalam amalan pedagogi terbeza berdasarkan pengalaman mengajar mendedahkan kepentingan pengalaman dalam meningkatkan kecekapan pedagogi. Kajian ini menyumbang kepada bidang Pendidikan Islam dengan menyediakan bukti empirikal tentang hubungan antara efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza dalam konteks

pengajaran Tilawah al-Quran, serta mengenal pasti bidang-bidang yang memerlukan perhatian dalam latihan dan pembangunan profesional guru. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa batasan, termasuk saiz sampel yang kecil dan skop geografi yang terhad yang mungkin membataskan generalisasi dapatan. Bagi kajian masa depan, dicadangkan agar skop kajian diperluaskan ke kawasan lain di Malaysia, menggunakan kaedah campuran untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam, dan menjalankan kajian *longitudinal* untuk menilai perubahan dalam efikasi kendiri dan amalan pedagogi terbeza guru dari masa ke masa. Dalam aspek amalan pendidikan, kajian ini mencadangkan keperluan untuk meningkatkan latihan guru dalam aspek pedagogi terbeza, terutamanya dalam perancangan berasaskan teori kecerdasan pelbagai, mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran Tilawah al-Quran, dan mewujudkan program mentoring antara guru berpengalaman dan guru baharu. Kesimpulannya, kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk penambahbaikan dalam pengajaran Tilawah al-Quran, yang akhirnya akan menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Al Harere, & Khloud Al Jallad. (2023). Quran Recitation Recognition using End-to-End Deep Learning. arXiv preprint. Diperoleh daripada <http://arxiv.org/abs/2305.07034>
- Fitri Fitri, Kamaruddin Kamaruddin & Mohamad Idhan. (2021). Teachers' Strategies in Solving Students' Ability to Read and Write Qur'an at Government Schools. International Journal of Contemporary Islamic Education, 3(2), 59-77.
- Al-Ghazali, A. H. M. (1988). Ihya ulum al-din. Singapura: Pustaka Nasional.
- Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip, & Mohd Dahlan. (2018). Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bandura, A. (1997). Self-efficacy: The exercise of control. W.H. Freeman and Company.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach. Sage.
- Hamir Hamzah Jaafar, & Mohamad Hilmi Mat Said. (2019). Inovasi pengajaran untuk menarik minat pelajar menguasai ilmu tajwid. International Journal of Humanities Technology and Civilizational, 1(6), 1689-1699.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Tingkatan 4 dan 5. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mohd Aderi Che Noh. (2016). Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia. Journal of Islamic and Arabic Education, 1(1), 57-72.
- Mohd Muzzammil Sharif, & Harun Baharudin. (2023). Implementasi Pengajaran Terbeza Tilawah Al-Quran dan Keterlibatan Murid di Sekolah Rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur. International Journal of Islamic Products and Malay Civilization.
- Mohd Syakir Moktar, & Mohd Farid Mohd Sharif. (2021). Kaedah Talaqqī Musyafahah Dalam Tilawah Al-Quran. MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB). <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3280>
- Mua'azam, Mohamad. (2016). Pengaruh kepimpinan strategik dan kesediaan perubahan organisasi terhadap amalan penambahbaikan kualiti berterusan di sekolah agama. (PhD thesis, Universiti Utara Malaysia).
- Muhammad Adib, & Jamayah Lasot. (2023). Tahap efikasi kendiri Guru Pelatih Pendidikan Islam IPGKTAR dengan amalan Pembelajaran Abad Ke-21 semasa praktikum. Prosiding Penyelidikan Pendidikan Islam (PPPI) IPGKTAR 2023, 1, 87 - 92.

- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar, & Norhisham Muhamad. (2021). Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum (Quran Recitation in Education Today: A General Review). *Jurnal Al-Turath*, 6(1), 42–55.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Nur Hanisah Radi & Syawal Amran. (2023). Strategi dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002336. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2336>
- Nur Hanisah Radi, & Syawal Amran. (2023). Strategi dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002336. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2336>
- Nurul Azira Sapien, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Pelaksanaan Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu: Kajian Literatur Sistematis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001684. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1684>
- Paharudin Arbain. (2015). Eksplorasi pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program j-Qaf dan hubungannya dengan pencapaian murid. (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Rozmi Ismail. (2016). *Metodologi Penyelidikan: Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafinaz A. Maulod. (2017). Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Kepimpinan Instruksional Pengetua dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Sembilan. (Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Zuraidah Abdul, Hafizhah Zulkifli, & Zamri Mahamod. (2023). Empowering the implementation of different pedagogy in the teaching of faith: Memperkasakan pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran akidah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 11–21. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.2.2023>
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussien, & Abdul Muhsin Sulaiman. (2021). Kaedah pengajaran pedagogi terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid: Pemikiran Imam Ibn Sahnun. *Global Journal Al-Thaqafah: GJAT*, 11(2), 1–18.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Kaedah Fuzzy Delphi: Reka bentuk pembangunan model pedagogi terbeza berdasarkan elemen proses pengajaran dalam mata pelajaran tilawah al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), 1–18



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).